KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	21/10/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	21
JABATAN	:	PERHILITAN			



HARIMAU belang yang ditemui di Hutan Simpan Lenggor, Johor viral di media sosial.

HM 21 Okt 2021_21

Terserempak pak belang di Hutan Simpan Lenggor

Kuala Lumpur: Tidak lagi takutkan manusia dan kenderaan. Itu gelagat seekor harimau belang susulan penyebaran dua rakaman video menunjukkan mamalia pemangsa itu tidak melarikan diri ketika dihampiri beberapa individu.

Berdasarkan rakaman video tular sejak tengah hari semalam, harimau belang (*panthera tigris*) berkenaan didakwa ditemui beberapa individu ketika menaiki pacuan empat roda di Hutan Simpan Lenggor, Kluang, Johor.

Dalam rakaman video pertama berdurasi satu minit 13 saat, perakam memaklumkan kedudukan mereka dianggarkan hanya tiga meter dari lokasi harimau itu berada.

Melalui perbualan dirakam, individu terbabit mendakwa harimau itu seolah-olah bersedia mahu menyerang mereka yang berada dalam kenderaan.

Malah, mereka turut sengaja membunyikan hon kenderaan, namun harimau belang berkenaan masih tidak berganjak dan masih berada berhampiran batang pokok tumbang.

Pada rakaman video kedua berdurasi satu minit 41 saat pula, beberapa individu memaklumkan video itu dirakam pada jam 12.27 tengah hari Isnin lalu.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Semenanjung Malaysia, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim yang dihubungi mengesahkan menerima maklumat berhubung kemunculan harimau belang itu.

Beliau berkata, petugas Perhilitan sudah dihantar ke Hutan Simpan Lenggor bagi memantau kehadiran haiwan dilindungi itu.

"Saya memohon orang awam yang terserempak haiwan liar supaya segera menyalurkan maklumat ke pejabat Perhilitan berhampiran," katanya.